

AR Rahnun Tekun buka cawangan di Kelantan, Johor

TAWAU - Ar Rahnun Tekun bercadang untuk membuka dua cawangan baharu di Kota Bahru, Kelantan dan Johor Bahru, Johor dalam tempoh terdekat ini.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Tekun Nasional, Datuk Baharom Embi berkata, pembukaan cawangan baharu Ar Rahnun Tekun itu merupakan susulan daripada sambutan baik masyarakat terhadap perkhidmatan pembiayaan melalui gadaian emas patuh syariah termasuk dalam kalangan bukan Islam.

"Pembukaan cawangan Ar Rahnun Tekun adalah untuk membuka lebih peluang kepada usahawan, bakal usahawan di pedalaman dan juga di bandar untuk meningkatkan perniagaan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan pembukaan cawangan Ar Rahnun Tekun Tawau di sini semalam.

Ar Rahnun Tekun terdapat di Shah Alam, Wangsa Maju, Sentul, Semenyih dan Alor Setar dengan pembiayaan menerusi gadaian emas melibatkan 7,395 transaksi bernilai RM16.96 juta sejak 2015 hingga 9 April lalu.

Sementara itu, Baharom menjelaskan, Ar Rahnun Tekun cawangan Tawau mula beroperasi pada 19 Mac lepas.

"Keistimewaan Ar Rahnun Tekun juga membuka peluang perkhidmatan pembiayaan cagar emas kepada pemegang pas IMM13," jelasnya.

Selain itu, menerusi gadaian emas, Ar Rahnun Tekun juga menyediakan perkhidmatan mencuci barang kemas serta perkhidmatan menyimpan barangan emas.

- Bernama